



16 SEP, 2026

Petra umum 250MW kuota baharu FiT



Kosmo, Malaysia



PROJEK solar terapung di Empangan Tasik Kenyir yang menyumbang tenaga bersih ke dalam pembekalan elektrik negara. – GAMBAR HIASAN

Petra umum 250MW kuota baharu FiT

- **Jana pelaburan RM3 bilion**
- **Wujudkan 5,000 peluang pekerjaan**

PETALING JAYA – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (Petra) melalui Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia mempe-
lawa pemaju tenaga boleh baha-
ru (TBB) menyertai permohonan
kuota tarif galakan (FiT) bagi ta-
hun 2027 sebanyak 250 megawatt
(MW).

Menurut Petra, kuota ini me-
rangkumi 30MW bagi sumber
biogas, 120MW bagi sumber bio-
jisim dan 100MW bagi sumber

hidrokuasa kecil di Semenanjung
Malaysia dan Wilayah Perseku-
tuan Labuan.

“Kerajaan menjangkakan pe-
nawaran kuota FiT yang baharu
ini berupaya menjana pelaburan
sebanyak RM3 bilion, yang mana
ia juga akan melibatkan pembe-
lian gas enjin dan dandang yang
dipasang secara tempatan seba-
nyak RM510 juta.

“Selain itu, pengenalan kuota
FiT baharu ini diunjurkan mem-
buka lebih 5,000 peluang peker-
jaan secara langsung dan tidak
langsung kepada orang ramai,”
katanya dalam kenyataan di sini
semalam.

Petra berkata, langkah terse-
but juga merupakan sebahagian
daripada usaha kerajaan untuk

meningkatkan kapasiti campu-
ran TBB dalam pembekalan ele-
ktrik negara kepada 70 peratus
menjelang 2050.

Jelasnya, projek-projek TBB
yang bakal diluluskan itu dijang-
ka boleh menjana dan mem-
bekalkan tenaga elektrik hijau
seawal 2030.

Sejak program FiT diperke-
nalkan pada 2011, kuota seba-
nyak 1,660.5MW telah diluluskan
bagi kesemua sumber TBB meli-
batkan sebanyak 9,658 projek di
seluruh negara.

Kesemua kuota baharu itu bo-
leh dipohon secara bidaan atas
talian (e-bidding) melalui laman
sesawang SEDA Malaysia, ber-
mula pada 3 Februari hingga 24
Mac 2027.